

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]

SOALAN NO. 456

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan meminda Akta Kerja 1955 merangkumi sektor pekerjaan yang membabitkan pemandu “*e-hailing*” agar golongan ini diperakui oleh syarikat “*e-hailing*” sebagai pekerja mereka daripada hubungan perkongsian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemandu *e-hailing* tidak sesuai diliputi di bawah Akta Kerja 1955 kerana tiada hubungan majikan-pekerja. Mereka tergolong sebagai ‘golongan bekerja sendiri’ dan tidak mempunyai sebarang kontrak pekerjaan dengan mana-mana majikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengambil berat akan kebajikan mereka dan untuk itu, mereka ini dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789].